



## KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	13/11/2019	MUKA SURAT	:	6
JABATAN	:	PERHILITAN / JPSM			
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>			

### RINGKAS

#### Miliki kemahiran berdepan gajah

**Temerloh:** Kemahiran mengesan dan berhadapan detik cemas bertemu gajah liar di hutan perlu ada pada setiap kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang.

Pengetua Pusat Latihan Perhutanan Pahang (PLPP), Muhammad Norsyahir Mohd Nordin berkata, pengalaman dimiliki dapat membantu mengelak berlaku kejadian tidak diingini ketika bertugas.

“Kemahiran dan pengalaman membantu kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang bertindak lebih awal apabila mengesan kehadiran gajah di hutan.

“Sebelum ini, terdapat beberapa kes kakitangan terserempak dan dikejar haiwan berkenaan,” katanya pada majlis penutup Kursus Pengendalian dan Pengurusan Gajah di Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan (PKGK) Kuala Gandah Lanchang di sini, kelmarin.